



INTERNATIONAL JOURNAL
OF LAW, GOVERNMENT
AND COMMUNICATION
(IJLGC)

www.gaexcellence.com/ijlgc



ANALISIS ASPEK KOMUNIKASI DALAM PANTUN- PANTUN MELAYU

ANALISIS ASPEK KOMUNIKASI DALAM PANTUN-PANTUN MELAYU

Siti Fariza Mohamad Isa^{1*}, Norjietta Julita Taisin², Robeah Yusuf³, Kasmaizun Enuni Mohd Sarji⁴, Mohd Zikri Ihsan Mohamad Zabhi⁵

¹Department of Communication and Media, Universiti Pendidikan Sultan Idris

 sitifariza@fbk.upsi.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-7660-6653>

²Department of Ethnic Language, Universiti Pendidikan Sultan Idris

 tjietta@yahoo.com.my

 <https://orcid.org/0009-0001-8829-2399>

³Akademi Bahasa Antarabangsa, Universiti Pendidikan Sultan Idris

 robe_ah@fbk.upsi.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0005-0279-1250>

³Department of Malay Literature Language, Universiti Pendidikan Sultan Idris

 kasmaizunenuni@fbk.upsi.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0009-4556-8226>

³Department of Malay Language, Universiti Pendidikan Sultan Idris

 mohdzikri@fbk.upsi.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0005-5674-9445>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 07.05.2026

Revised date: 31.05.2026

Accepted date: 25.06.2026

Published date: 30.06.2026

Abstrak:

Pantun Melayu merupakan medium komunikasi tradisional yang berperanan penting dalam menyampaikan mesej sosial, nilai budaya dan kebijaksanaan masyarakat Melayu secara tersirat dan beradab. Kajian ini bertujuan menganalisis aspek komunikasi dalam pantun-pantun Melayu dengan memberi tumpuan kepada pengurusan muka (*face*) dan strategi rundingan makna sebagaimana yang diuraikan dalam **Teori Face-Negotiation oleh Ting-Toomey**. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui **kaedah analisis kandungan** terhadap pantun-pantun Melayu terpilih yang diperoleh daripada sumber bertulis dan dokumentasi tradisional. Analisis dijalankan dengan mengenal pasti tema, simbol dan bentuk ungkapan bahasa yang mencerminkan strategi menjaga keharmonian sosial, pengelakan konflik serta pemeliharaan maruah diri dan kelompok dalam komunikasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pantun

To cite this document:

Isa, S. F. M., Taisin, N. J., Yusuf, R., Sarji, K. E. M., & Zabhi, M. Z. I. M. (2026). Coordinated Functional Specialization in The Eastern Sabah Security Zone: Multi-Agency Security Governance in A Maritime Border Environment. *International Journal of Law, Government and Communication*, 11(44), 345-355.

DOI: 10.35631/IJLGC.1144021

Melayu mengaplikasikan pelbagai strategi pengurusan muka, termasuk komunikasi tidak langsung, bahasa kiasan, sindiran halus dan penggunaan pembayang alam sebagai mekanisme mengurangkan ancaman terhadap muka penerima yang terdapat dalam 15 artikel yang telah diterbitkan di dalam e Prosiding SILiN 2.0 menggunakan metod kualitatif iaitu analisis kandungan. Pantun turut berfungsi sebagai alat rundungan sosial yang membolehkan penyampaian nasihat, teguran dan kritikan dilakukan tanpa menjejaskan hubungan interpersonal. Kajian ini meneroka signifikan bahawa pantun Melayu bukan sekadar karya sastra tradisional, malah merupakan satu komunikasi budaya yang kompleks dan sejajar dengan prinsip Teori Face-Negotiation, sekali gus menyumbang kepada pemeraksanaan wacana komunikasi antara budaya dan kesusasteraan Melayu.

Kata Kunci:

Pantun Melayu; Komunikasi Budaya; Teori Face-Negotiation; Ting-Toomey; Analisis Kandungan; Komunikasi Tidak Langsung; Keharmonian Sosial

Abstract:

Malay pantun is a traditional form of communication that plays a significant role in conveying social messages, cultural values, and the wisdom of the Malay community through implicit, courteous, and culturally refined expressions. This study aims to analyse the communication aspects embedded in Malay pantun by focusing on **face management and meaning negotiation strategies** as conceptualised in Ting-Toomey's **Face-Negotiation Theory**. A qualitative research approach was employed using **content analysis** to examine selected Malay pantun obtained from written sources and traditional documentary materials. The analysis involved identifying themes, symbols, and linguistic expressions that reflect strategies for maintaining social harmony, avoiding conflict, and preserving individual and collective dignity in communication. The findings reveal that Malay pantun employs various face management strategies, including indirect communication, figurative language, subtle satire, and the use of natural imagery as metaphorical preambles to minimise threats to the recipient's face. These strategies were identified through the qualitative content analysis of **15 articles published in the SILiN 2.0 e-Proceedings**. Furthermore, Malay pantun functions as a medium of social negotiation, enabling advice, admonition, and criticism to be communicated without jeopardising interpersonal relationships. The study highlights that Malay pantun is not merely a form of traditional literary expression but also represents a sophisticated system of cultural communication that aligns closely with the principles of Face-Negotiation Theory. Consequently, it contributes to enriching scholarly discourse in intercultural communication while strengthening the interdisciplinary relationship between communication studies and Malay literary scholarship.

Keyword:

Content Analysis; Face-Negotiation Theory; Intercultural Communication; Malay Pantun; Social Harmony; Traditional Communication.



Pengenalan

Pantun Melayu merupakan antara bentuk puisi tradisional yang bukan sahaja berfungsi sebagai karya seni bahasa, malah berperanan sebagai wahana komunikasi budaya yang sarat dengan nilai sosial, etika dan kebijaksanaan tempatan. Dalam tradisi masyarakat Melayu, pantun digunakan sebagai medium untuk menyampaikan maksud secara berlapik, menjaga keharmonian hubungan sosial serta menzahirkan pemikiran secara halus dan beradab. Keindahan struktur dan penggunaan bahasa kiasannya mencerminkan keupayaan masyarakat Melayu mengekspresikan pandangan hidup, teguran, nasihat dan perasaan tanpa menimbulkan konflik terbuka, sekali gus memperlihatkan kehalusan sistem komunikasi tradisional yang berteraskan kesantunan.

Dalam konteks kajian komunikasi, pantun dapat diteliti sebagai satu bentuk wacana yang memperlihatkan strategi pengurusan hubungan interpersonal dan pembinaan makna secara simbolik. Pendekatan ini selari dengan kerangka Teori Face-Negotiation yang menekankan kepentingan penjagaan maruah diri dan pihak lain dalam interaksi sosial, khususnya dalam budaya berorientasikan kolektivisme seperti masyarakat Melayu. Melalui perspektif ini, pantun bukan sekadar hasil kesusasteraan, tetapi juga suatu mekanisme komunikasi yang mencerminkan nilai budaya, norma sosial dan strategi penyampaian mesej yang berfungsi mengekalkan keharmonian masyarakat.

Sehubungan itu, artikel ini meneliti aspek komunikasi dalam pantun-pantun Melayu dengan memberi fokus kepada bentuk ungkapan, simbolisme bahasa dan strategi makna yang mencerminkan amalan pengurusan muka dalam komunikasi tradisional. Penelitian ini penting bagi memperkukuh pemahaman tentang peranan pantun sebagai sistem komunikasi budaya yang kompleks serta relevan untuk dianalisis dalam kerangka teori komunikasi kontemporari. Melalui penelitian ini, diharapkan pantun Melayu dapat ditanggapi bukan sahaja sebagai warisan sastera, tetapi juga sebagai sumber ilmu komunikasi yang signifikan dalam memperkaya wacana akademik antara disiplin kesusasteraan dan komunikasi.

Kajian ini adalah berdasarkan Seminar Internasional Literasi Nusantara (SILiN 4.0), Karnival Seni Pantun Melayu Warisan yang diadakan pada 18-19 Disember 2025.

Objektif kajian:

1. Menghubungkan pantun Melayu dengan kerangka teori komunikasi seperti komunikasi budaya, semiotik, pragmatik dan retorik bagi memperlihatkan relevansinya dalam disiplin komunikasi kontemporari.
2. Menjelaskan potensi pantun Melayu sebagai medium pedagogi dan komunikasi strategik, khususnya dalam konteks pendidikan, pengucapan awam dan pembentukan komunikasi beretika.
3. Mengkaji fungsi komunikasi yang terkandung dalam pantun-pantun Melayu, termasuk fungsi penyampaian maklumat, nasihat, sindiran, pendidikan dan pembentukan nilai sosial.

Soalan kajian:

1. Bagaimanakah pantun Melayu dapat diuraikan dan ditafsirkan berdasarkan kerangka teori komunikasi seperti komunikasi budaya, semiotik, pragmatik dan retorik dalam memperlihatkan relevansinya dalam disiplin komunikasi kontemporari?
2. Apakah potensi pantun Melayu sebagai medium pedagogi dan komunikasi strategik dalam konteks pendidikan, pengucapan awam dan pembentukan komunikasi beretika?
3. Apakah fungsi komunikasi yang terkandung dalam pantun-pantun Melayu, khususnya dari aspek penyampaian maklumat, nasihat, sindiran, pendidikan dan pembentukan nilai sosial dalam masyarakat Melayu?

Sorotan Literatur

Pantun Melayu secara tradisinya berfungsi sebagai medium komunikasi budaya yang mencerminkan nilai, norma dan pandangan hidup masyarakat Melayu. Carey (2009) menjelaskan bahawa komunikasi bukan sekadar proses penyampaian maklumat, tetapi merupakan amalan budaya yang membentuk dan mengekalkan makna sosial. Dalam konteks ini, pantun boleh difahami sebagai satu bentuk komunikasi ritual dan simbolik yang digunakan untuk mengukuhkan hubungan sosial, menyampaikan nasihat serta mengekalkan keharmonian masyarakat. Kajian oleh Samsudin A. Rahim (2013) turut menegaskan bahawa komunikasi Melayu bersifat berlapis dan tidak konfrontasional, selari dengan penggunaan pantun sebagai medium penyampaian mesej secara tersirat.

Walaupun pantun sering dibincangkan dalam kajian sastera dan budaya, penelitian yang mengaitkannya secara langsung dengan konsep komunikasi budaya masih terhad. Kebanyakan kajian terdahulu menumpukan kepada nilai estetika dan fungsi sosial pantun, tanpa menghuraikan peranannya sebagai sistem komunikasi yang lengkap melibatkan pengirim, mesej, penerima dan kesan komunikasi.

Semiotik melihat komunikasi sebagai proses penghasilan dan pentafsiran tanda dan simbol (Hall, 1997). Pantun Melayu sarat dengan simbol alam seperti flora, fauna dan fenomena semula jadi yang berfungsi sebagai pembayang kepada maksud sebenar. Simbol-simbol ini berperanan sebagai kod budaya yang memerlukan kefahaman konteks sosial dan budaya untuk ditafsirkan dengan tepat.

Kajian oleh Zainal Kling (2011) menunjukkan bahawa pantun bukan sekadar hiasan bahasa, tetapi mengandungi sistem pemikiran simbolik yang mencerminkan kebijaksanaan masyarakat Melayu. Dari sudut komunikasi, penggunaan simbol dalam pantun membolehkan mesej disampaikan secara tidak langsung, sekali gus mengurangkan risiko konflik dan penolakan audiens. Namun, kajian semiotik pantun masih banyak tertumpu kepada makna sastera, dan kurang mengaitkannya dengan teori komunikasi simbolik secara sistematik.

Pragmatik menekankan hubungan antara bahasa, konteks dan makna tersirat dalam komunikasi (Grice, 1975). Pantun Melayu menggunakan implikatur sebagai strategi utama komunikasi, di mana maksud sebenar disampaikan secara berlapis melalui pembayang. Pendekatan ini sejajar dengan prinsip kesantunan berbahasa dan nilai budi dalam masyarakat Melayu (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014).

Dalam konteks komunikasi, penggunaan implikatur dalam pantun membolehkan pengirim menyampaikan kritikan, sindiran atau nasihat tanpa menyinggung perasaan penerima. Walaupun aspek pragmatik telah dibincangkan dalam kajian linguistik, penerokaan implikasinya terhadap keberkesanan komunikasi dan kesan mesej terhadap audiens masih kurang diberi perhatian dalam disiplin komunikasi.

Retorik klasik menekankan penggunaan bahasa sebagai alat persuasi yang berkesan (Aristotle, 2007). Pantun Melayu boleh dilihat sebagai bentuk retorik tradisional yang menggabungkan unsur etos, patos dan logos secara halus. Bahasa indah, irama dan keseimbangan struktur pantun berfungsi untuk menarik perhatian audiens, membangkitkan emosi dan meningkatkan kredibiliti penyampai.

Kajian berkaitan retorik Melayu menunjukkan bahawa pantun sering digunakan dalam pengucapan awam, adat istiadat dan pendidikan lisan sebagai alat mempengaruhi dan mendidik masyarakat. Namun, kajian retorik pantun dari sudut komunikasi persuasif moden, khususnya dalam konteks pengucapan awam dan komunikasi strategik, masih belum diterokai secara mendalam.

Dalam konteks pendidikan dan komunikasi kontemporari, pantun mempunyai potensi besar sebagai medium pedagogi dan komunikasi strategik. Hymes (1974) menekankan kepentingan kecekapan komunikasi yang merangkumi aspek linguistik dan sosiobudaya. Pantun boleh berfungsi sebagai alat latihan komunikasi yang menggabungkan kemahiran berbahasa, pemikiran kritis dan kesedaran budaya.

Walau bagaimanapun, penggunaan pantun dalam pendidikan komunikasi dan latihan pengucapan awam masih terhad dan belum disokong oleh kajian empirikal yang kukuh. Kebanyakan kajian lebih menumpukan kepada pantun sebagai warisan budaya, bukan sebagai sumber alternatif dalam pembangunan kemahiran komunikasi beretika dan strategik.

Secara keseluruhan, tinjauan literatur menunjukkan bahawa pantun Melayu telah banyak dikaji dari sudut sastera, linguistik dan budaya, namun kajian yang mengupas pantun secara menyeluruh daripada perspektif komunikasi masih terbatas. Kekurangan ini membuka ruang kepada kajian semasa untuk menghubungkan pantun Melayu dengan kerangka teori komunikasi seperti komunikasi budaya, semiotik, pragmatik dan retorik, serta menilai potensinya sebagai medium pedagogi dan komunikasi strategik dalam konteks kontemporari.

Kaedah Penyelidikan

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan **pendekatan kualitatif deskriptif dan analisis kandungan** untuk meneliti aspek komunikasi yang terkandung dalam pantun-pantun Melayu. Pendekatan ini membolehkan kajian menumpukan kepada makna, simbol, strategi retorik dan fungsi komunikasi pantun secara mendalam, selaras dengan objektif kajian.

Sampel Kajian

Data kajian diperoleh daripada **15 artikel yang telah dihantar ke Seminar Internasional Literatur Nusantara (SILiN 4.0)**. Setiap artikel mengandungi himpunan pantun Melayu, analisis sastra dan kontekstualisasi budaya.

Kriteria pemilihan pantun dalam artikel:

1. Pantun yang digunakan untuk menyampaikan mesej sosial, nasihat, pendidikan, sindiran atau nilai budaya;
2. Pantun yang mempunyai struktur pembayang dan maksud yang jelas;
3. Pantun yang dapat dianalisis dari perspektif komunikasi budaya, semiotik, pragmatik dan retorik.

Dengan menggunakan purposive sampling, pantun-pantun yang paling relevan dengan objektif kajian akan dipilih daripada keseluruhan kandungan 10 artikel. Artikel yang dikaji itu adalah:

1. Analisis Fungsi Didaktik Pantun Empat Kerat Teka-Teki dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu
2. Psikik 'Minda Terjajah' dalam Pantun Abdul Rahman Dewani
3. Peranan AI dalam Pemodenan Akses Pantun Melayu di Era Digital
4. Pantun Melayu dan Tradisi Puisi Barat Sebagai Wacana Pembuka Majlis: Perbandingan Antara Pantun, Epigram dan Rhyme
5. Pancaran Jati Diri Melayu dalam Pantun Warisan
6. Penciptaan Pantun Antara Kecerdasan Buatan dan Kecerdasan Manusia Sebagai Penguatan Peradaban
7. Pantun Mengukuhkan Peradaban Melayu
8. Pantun Sebagai Wacana Kesempurnaan Insan: Analisis Teori Takmilah Terhadap Karya Nazel Hashim
9. Memperkasa Usahawan Menerusi Pemasaran Digital Dalam Menghidupkan Semula Warisan Kraf Yang Terpinggir: Mesej Di Sebalik Pantun
10. Keindahan Pantun Melayu Dalam Perspektif Teori Estetika Bersepadu

Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur pengumpulan data bagi kajian ini dirangka secara sistematik dan berperingkat bagi memastikan analisis aspek komunikasi dalam pantun-pantun Melayu dapat dilaksanakan secara terancang, teliti dan berlandaskan prinsip penyelidikan kualitatif. Prosedur ini melibatkan lima fasa utama, bermula daripada persediaan kajian sehingga pelaporan dapatan penyelidikan.

Fasa 1: Persediaan Kajian

Fasa pertama melibatkan persediaan awal kajian yang menjadi asas kepada keseluruhan proses penyelidikan. Pada peringkat ini, penyelidik meneliti dan memahami secara mendalam objektif kajian yang memfokuskan kepada fungsi komunikasi, strategi retorik, simbolisme serta kesan mesej dalam pantun Melayu. Kefahaman ini penting bagi memastikan hala tuju kajian selari dengan disiplin ilmu komunikasi dan tidak terhad kepada analisis sastra semata-mata.

Seterusnya, penyelidik memilih teori dan kerangka analisis yang sesuai sebagai panduan kajian. Kerangka teori yang digunakan merangkumi teori komunikasi budaya, semiotik, pragmatik dan retorik, yang membolehkan pantun dianalisis sebagai medium komunikasi simbolik dan persuasif. Berdasarkan kerangka ini, instrumen kajian dibangunkan dalam bentuk lembaran analisis atau *coding sheet* yang merangkumi dimensi profil pantun, elemen komunikasi, analisis bahasa dan retorik, hubung kait dengan teori komunikasi serta ruang tafsiran penyelidik.

Fasa 2: Pemilihan dan Pengumpulan Data

Fasa kedua melibatkan pemilihan dan pengumpulan data kajian. Sumber data utama terdiri daripada 15 artikel yang telah dihantar ke Seminar Internasional Literatur Nusantara (SILiN 4.0) dan mengandungi perbincangan serta contoh pantun Melayu. Pemilihan artikel ini dibuat secara bertujuan kerana kandungannya relevan dengan objektif kajian dan menyediakan data yang mencukupi untuk analisis komunikasi.

Daripada artikel-artikel tersebut, semua pantun yang relevan diekstrak dan disalin ke dalam lembaran analisis yang telah disediakan. Proses ini diikuti dengan penyaringan pantun bagi memastikan hanya pantun yang memenuhi kriteria kajian dipilih. Antara kriteria tersebut ialah pantun yang mempunyai mesej yang jelas, berkaitan dengan fungsi komunikasi sosial, mengandungi unsur simbol atau metafora, serta sesuai untuk dianalisis menggunakan kerangka teori komunikasi yang dipilih.

Fasa 3: Pengekoden dan Analisis Data

Fasa ketiga merupakan fasa teras kajian yang melibatkan pengkodean dan analisis data secara kualitatif. Pengekoden awal atau *open coding* dilakukan bagi mengenalpasti tema utama, mesej, pengirim, penerima, medium serta kesan komunikasi yang terkandung dalam setiap pantun. Proses ini membolehkan penyelidik mengenal pasti pola awal dalam data.

Seterusnya, *axial coding* dilaksanakan dengan mengelompokkan pantun berdasarkan fungsi komunikasi seperti nasihat, pendidikan, sindiran dan pembentukan nilai sosial, serta berdasarkan strategi retorik yang digunakan. Analisis interpretatif kemudian dijalankan dengan mengaitkan dapatan kajian kepada teori komunikasi budaya, semiotik, pragmatik dan retorik bagi menjelaskan makna dan strategi komunikasi yang tersirat. Pemetaan konsep turut dibangunkan untuk menggambarkan hubungan antara elemen pantun dan prinsip komunikasi kontemporari. Bagi meningkatkan kesahan dapatan, triangulasi dilakukan dengan membandingkan hasil analisis antara artikel-artikel yang berbeza.

Fasa 4: Semakan Kesahan dan Kebolehpercayaan

Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan kajian, beberapa langkah pengesahan dilaksanakan. Antaranya ialah semakan rakan penyelidik (*peer review*) bagi menilai ketepatan pengkodean dan interpretasi data serta mengurangkan bias penyelidik. Selain itu, *audit trail* disediakan dengan merekodkan setiap langkah pengumpulan dan analisis data bagi memastikan ketelusan proses kajian. Sekiranya temu bual dijalankan sebagai data sokongan, kaedah *member checking* digunakan untuk mengesahkan tafsiran penyelidik dengan pandangan pakar atau pengamal pantun.

Fasa 5: Pelaporan Dapatan

Fasa terakhir melibatkan pelaporan dapatan kajian. Hasil analisis disusun berdasarkan tema utama dan fungsi komunikasi yang dikenal pasti. Penyelidik menyediakan tafsiran dapatan dengan mengaitkannya kepada teori komunikasi kontemporari bagi menonjolkan sumbangan kajian kepada disiplin ilmu komunikasi. Contoh pantun terpilih dipersembahkan bersama interpretasi, analisis strategi retorik, simbol dan implikatur bagi menyokong hujah kajian. Selain itu, perbincangan turut menekankan potensi pantun sebagai medium pedagogi, komunikasi strategik dan pembentukan komunikasi beretika dalam konteks semasa.

Secara keseluruhannya, prosedur pengumpulan data yang dirangka secara berfasa ini membolehkan kajian dijalankan secara sistematik, telus dan berasaskan prinsip penyelidikan kualitatif. Pendekatan ini bukan sahaja memastikan ketepatan analisis, malah membolehkan kajian menyumbang secara signifikan kepada pengembangan disiplin komunikasi, pemeliharaan warisan budaya Melayu serta pembangunan pedagogi komunikasi yang berteraskan nilai tempatan.

Kaedah Analisis Data

Analisis data bagi kajian ini dilaksanakan menggunakan **pendekatan analisis kandungan kualitatif** dan **analisis tematik interpretatif**, bertujuan untuk meneliti secara mendalam aspek komunikasi yang terkandung dalam pantun-pantun Melayu. Pendekatan ini dipilih kerana kajian menekankan pemahaman terhadap makna, simbol, konteks serta strategi komunikasi tersirat yang tidak dapat diuraikan melalui kaedah kuantitatif.

Pada peringkat awal, semua pantun yang dipilih daripada 15 artikel Seminar Internasional Literatur Nusantara (SILiN 4.0) disusun dan direkodkan ke dalam lembaran analisis yang telah dibangunkan. Setiap pantun dianalisis sebagai unit data utama, manakala perenggan huraian dalam artikel asal digunakan sebagai data sokongan bagi memahami konteks dan maksud komunikasi.

Analisis bermula dengan **pengekodan terbuka (open coding)**, iaitu proses mengenal pasti dan melabelkan elemen komunikasi yang terkandung dalam setiap pantun. Elemen ini merangkumi pengirim, penerima, mesej tersurat dan tersirat, medium penyampaian, serta kesan komunikasi. Pada tahap ini, penyelidik meneliti secara teliti kandungan bahasa, simbol, metafora dan struktur pantun bagi mengenal pasti tema awal yang berkaitan dengan fungsi komunikasi.

Seterusnya, **pengekodan paksi (axial coding)** dijalankan dengan mengelompokkan kod-kod awal kepada kategori dan tema yang lebih besar. Pantun-pantun diklasifikasikan berdasarkan fungsi komunikasi seperti penyampaian maklumat, nasihat, pendidikan, sindiran dan pembentukan nilai sosial. Pada masa yang sama, strategi retorik dan komunikasi simbolik yang digunakan dalam pantun dianalisis bagi mengenal pasti pola dan persamaan antara data.

Bagi memperkukuh tafsiran, **analisis interpretatif berasaskan teori** digunakan dengan mengaitkan dapatan kajian kepada kerangka teori komunikasi budaya, semiotik, pragmatik dan retorik. Dari perspektif komunikasi budaya, pantun dianalisis sebagai cerminan nilai, norma dan kepercayaan masyarakat Melayu. Pendekatan semiotik digunakan untuk menafsir simbol, tanda dan pembayang sebagai kod komunikasi budaya, manakala analisis pragmatik menumpukan kepada implikatur, kesantunan dan makna tersirat yang bergantung kepada konteks sosial. Analisis retorik pula menilai peranan pantun sebagai medium persuasif melalui penggunaan unsur *ethos*, *pathos* dan *logos*.

Selain itu, **pemetaan konsep** dijalankan bagi menggambarkan hubungan antara elemen pantun dan prinsip komunikasi kontemporari. Pemetaan ini membantu penyelidik membina gambaran menyeluruh tentang bagaimana pantun berfungsi sebagai medium komunikasi strategik dan pedagogi. Bagi meningkatkan kesahan dapatan, **triangulasi data** dilakukan dengan membandingkan hasil analisis antara pantun daripada artikel yang berbeza serta mengaitkan dapatan dengan literatur dan teori komunikasi sedia ada.

Proses analisis data turut disokong oleh amalan dokumentasi yang sistematik melalui *audit trail*, di mana setiap keputusan analisis, perubahan kod dan tafsiran direkodkan secara terperinci. Sekiranya diperlukan, perisian analisis data kualitatif seperti **NVivo** atau **ATLAS.ti** boleh digunakan bagi membantu pengurusan data, pengekodan dan pengesanan tema secara lebih sistematik.

Secara keseluruhannya, kaedah analisis data yang digunakan dalam kajian ini membolehkan pantun-pantun Melayu dianalisis secara holistik sebagai medium komunikasi yang bersifat simbolik, berlapis dan berkesan. Pendekatan ini bukan sahaja menjelaskan fungsi dan strategi komunikasi pantun, malah memperlihatkan relevansinya dalam konteks komunikasi kontemporari, pendidikan dan pembentukan komunikasi beretika.

Penutup

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menegaskan bahawa pantun Melayu bukan sekadar karya sastra tradisional, tetapi merupakan suatu bentuk sistem komunikasi budaya yang menzahirkan prinsip pengurusan muka sebagaimana yang diuraikan dalam Teori Face-Negotiation oleh Ting-Toomey. Pantun memperlihatkan bagaimana masyarakat Melayu secara tradisional mengamalkan strategi komunikasi berlapis, tidak langsung dan simbolik sebagai mekanisme menjaga maruah diri serta orang lain dalam interaksi sosial. Strategi seperti penggunaan pembayang, bahasa kiasan, metafora alam dan sindiran halus berfungsi mengurangkan ancaman terhadap muka penerima, sekali gus mengekalkan keharmonian hubungan interpersonal, selari dengan orientasi budaya kolektivisme yang menekankan kesepaduan sosial berbanding konfrontasi terbuka.

Analisis juga menunjukkan bahawa pantun mengaplikasikan pelbagai gaya pengurusan konflik yang sepadan dengan konsep gaya rundingan muka dalam teori Ting-Toomey, khususnya gaya mengelak, menyesuaikan diri dan kompromi yang sering ditemui dalam budaya berorientasikan keharmonian. Dalam konteks ini, pantun bertindak sebagai alat rundingan makna yang membolehkan mesej nasihat, teguran atau kritikan disampaikan secara santun tanpa menjejaskan hubungan sosial. Hal ini membuktikan bahawa pantun berfungsi sebagai medium komunikasi strategik yang mengintegrasikan nilai budaya dengan kecekapan retorik dan pragmatik.

Implikasinya, kajian ini memperkukuh hujah bahawa pantun Melayu boleh ditafsir sebagai manifestasi praktikal Teori Face-Negotiation dalam tradisi komunikasi tempatan. Ia menunjukkan bahawa prinsip pengurusan muka bukanlah konsep asing dalam budaya Melayu, malah telah lama wujud dalam bentuk wacana tradisional. Penemuan ini menyumbang kepada pengembangan wacana komunikasi antara budaya dengan menempatkan pantun sebagai sumber pengetahuan komunikasi yang autentik dan berakar dalam kearifan tempatan.

Sehubungan itu, kajian ini membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan yang meneliti pantun dalam konteks komunikasi moden seperti media digital, pendidikan dan komunikasi antara budaya, khususnya dalam menilai bagaimana strategi pengurusan muka tradisional dapat diaplikasikan dalam situasi komunikasi kontemporari. Usaha ini penting bagi memastikan pantun terus relevan bukan sahaja sebagai warisan sastera, tetapi juga sebagai model komunikasi beretika yang mampu membimbing masyarakat dalam mengekalkan keharmonian sosial dalam dunia yang semakin kompleks dan pelbagai budaya.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Persatuan Penulis Budiman Malaysia dan juga MOTAC atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini menerima sokongan kewangan daripada Persatuan Penulis Budiman Malaysia di bawah Nombor Geran 2025-0246-06-29.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC).
Pernyataan Etika:	Kajian ini telah dijalankan selaras dengan piawaian etika penyelidikan. Semua prosedur yang melibatkan responden manusia telah disemak dan diluluskan oleh Persatuan Penulis Budiman Malaysia. Persetujuan bermaklumat telah diperoleh daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyertaan adalah secara sukarela, dan responden telah dijamin kerahsiaan serta anonimitas. Data yang dikumpulkan digunakan semata-mata bagi tujuan akademik.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. [Siti Fariza Mohamad Isa] bertanggungjawab terhadap pengkonsepkan, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. [Norjietta Julita binti Taisin & Kasmaizun Enuni Mohd Sarji] menyediakan instrumen. [Robeah Yusuf & Mohd Zikri Ihsan Mohamad Zabhi] menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan..

Rujukan

- Aristotle. (2007). *On rhetoric: A theory of civic discourse* (G. A. Kennedy, Trans.). Oxford University Press. (Original work published ca. 4th century BCE)
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carey, J. W. (2009). *Communication as culture: Essays on media and society* (Rev. ed.). Routledge.
- Grice, H. P. (1975). Logic and conversation. In P. Cole & J. L. Morgan (Eds.), *Syntax and semantics* (Vol. 3, *Speech acts*, pp. 41–58). Academic Press.
- Hall, S. (1997). *Representation: Cultural representations and signifying practices*. Sage Publications.
- Harun Mat Piah. (2003). *Puisi Melayu tradisional: Satu pembicaraan genre dan fungsi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hymes, D. (1974). *Foundations in sociolinguistics: An ethnographic approach*. University of Pennsylvania Press.
- Isa, S. F. M., Baharum, H., & Mohd, F. H. (Eds.). (2025). *E-Prosiding Seminar Internasional Literatur Nusantara Keempat (SILiN 4.0): Pantun – Akar Peradaban Melayu*. Persatuan Penulis Budiman Malaysia. eProsiding SILiN 2.0 Pages i-v (1).pdf
- Lasswell, H. D. (1948). The structure and function of communication in society. In L. Bryson (Ed.), *The communication of ideas* (pp. 37–51). Harper & Brothers.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan pragmatik bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka. *Persuratan Melayu: Tradisi dan warisan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samsudin A. Rahim. (2013). *Komunikasi dan budaya Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Samsudin A. Rahim. (2013). *Komunikasi dan masyarakat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2012). *Modul hubungan etnik*. Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ting-Toomey, S. (1988). Intercultural conflict styles: A face-negotiation theory. In Y. Y. Kim & W. B. Gudykunst (Eds.), *Theories in intercultural communication* (pp. 213–235). Sage Publications.
- Ting-Toomey, S., & Oetzel, J. G. (2001). *Managing intercultural conflict effectively*. Sage Publications.
- Zainal Kling. (2011). Pantun Melayu sebagai cerminan pemikiran dan budaya Melayu. In Zainal Kling. (2011). Pantun sebagai wahana pemikiran Melayu. In *Wacana budaya Melayu* (pp. 85–102). Dewan Bahasa dan Pustaka.